



SELAMAT DATANG

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

OLEH :-

ENCIK KIERAN LUKE LAMUDIN

24 FEB 2021



APAKAH ITU PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN?



Dokumen rasmi yang mengandungi peraturan dan undang-undang yang menentukan corak pemerintahan sesebuah negara.

Tujuan

- a. Lambang negara berdaulat dan merdeka
- b. Menjadi sumber rujukan bagi semua hal ehwal negara
- c. Menjadikan sistem pemerintahan lebih teratur dan adil serta sistematik
- d. Memastikan pengasingan kuasa di kalangan badan2 pemerintah terjamin
- e. Menjamin kedaulatan undang-undang



KEDUDUKAN PERLEMBAGAAN



Merupakan sumber perundangan yang tertinggi di Malaysia.

Per 4: Mana-mana undang² yang bertentangan dengannya akan terbatal.

“dan mana-mana undang-undang yang dibuat selepas hari merdeka dan yang berlawanan dengan perlembagaan ini, setakat mana yang berlawanan adalah terbatal”.

Kedudukan Agama Islam dalam Perlembagaan
Per 3: Islam adalah agama rasmi bagi persekutuan. Walaubagaimanapun agama lain bebas diamalkan dengan aman dan damai.



BOLEHKAH PERLEMBAGAAN DIPINDA?



Per 159: Tertakluk pada per 161E, perlembagaan boleh dipinda melalui undang-undang persekutuan.

Kebiasaananya di pinda bagi menambah atau memansuhkan suatu peruntukan yang sudah tidak sesuai dengan keadaan semasa.

Kaedah pindaan

-**2/3 tiap satu sidang Parlimen dan persetujuan Majlis Raja-Raja**

- 2/3 sidang Parlimen dan persetujuan Yang Di-Pertua negeri

Sabah dan S'wak

-2/3 tiap satu sidang Parlimen

- Kelebihan suara biasa dalam tiap satu sidang Parlimen

APAKAH PERUNTUKKAN UTAMA DALAM PERLEMBAGAAN?

- 1. HAK ASASI (per 5-13)**
- 2. KEWARGANEGARAAN (per 14)**
- 3. AGAMA (per 11)**
- 4. BAHASA (per 152)**
- 5. KEDUDUKAN ISTIMEWA ORANG
MELAYU DAN BUMIPUTERA SABAH
DAN SARAWAK (per 153).**



PERUNTUKKAN HAK ASASI



Apakah bentuk hak asasi dalam Persekutuan?

Per 5: kebebasan diri

Per 6: keabdi & kerja paksa dilarang

Per 7: perlindungan terhadap undang2 jenayah

Per 8: hak sama rata

Per 9: larangan buangan negeri dan kebebasan bergerak

Per 10:kebebasan bercakap, berhimpun dan menubuh persatuan

Per 11: kebebasan beragama

Per 12: hak berkenaan pelajaran

Per 13: hak terhadap harta

APAKAH YANG DIMAKSUDKAN DENGAN KEBEBASAN DIRI?

Kebebesan diri bermakna

- a. sesorang tidak boleh diambil nyawanya atau dihapuskan kebebasannya melainkan dikehendaki oleh undang-undang..
- b seseorang yang telah ditangkap hendaklah diberitahu sebab ia ditangkap dan haknya untuk diwakili peguam
- c. seorang yang ditangkap hendaklah dihadapkan ke hadapan seorang majistret dalam tempoh 24 jam selepas ia ditangkap.

Christie and another v. Leachinsky and another, [1947] AC 573, House of Lords

“It is a condition of lawful arrest that the party arrested should know on what charge or on suspicion of what crime he is arrested”

KEBEBA SAN BERCAKAP, BERHIMPUN DAN MENUBUH PERSATUAN

Semua rakyat mempunyai hak samada untuk bercakap, berhimpun atau menubuh persatuan.

Sejauh manakah hak ini berkuatkuasa?

Per 10(2) (a) (b) (c)

wujud selagi perhimpunan itu aman tidak menjadkan keamanan negara , akhlak dan ketenteraman awam.

CONTOH:

Syarat untuk berhimpun seperti dalam Seksyen 27 Akta Polis, yang menyatakan bahawa apa-apa perhimpunan, perjumpaan atau perarakan di tempat awam harus terlebih dahulu mendapat permit daripada Ketua Polis Daerah (OCPD) daerah tersebut. Sekiranya permit tidak diperolehi, perhimpunan tersebut dianggap haram.

Bagi kebebasan bercakap tertakluk pada Akta fitnah dan Akta hasutan.



KEBEBAAN BERAGAMA



Apa yang dimaksudkan dengan kebebasan beragama?
Seperti dalam Per 3 iaitu walaupun agama Islam ialah agama persekutuan tetapi agama lain boleh diamalkan dengan aman di mana-mana bahagian persekutuan.

Per 3 hendaklah di baca bersama2 per 11 dan 12 (2)
Kebebasan beragama ini dijamin dalam perlembagaan terhadap semua agama iaitu setiap orang mempunyai hak untuk menganut dan mengamalkan agamanya dan bahawa setiap agama mempunyai hak untuk:

- a. Setiap orang berhak mengamalkan agamanya
- b. Seseorang di bawah umur 18 tahun tidak boleh diajak mengambil bahagian dalam upacara keagamaan selain daripada agamanya.
- c. Seseorang tidak boleh diminta membayar apa-apa cukai jika hasil pungutan itu digunakan untuk kepentingan agama lain daripada agamanya.



- d. Kelompok seagama berhak mengurus hal²agamnya termasuk menubuh yayasan dan memiliki harta.
- e. Semua aspek kebebasan beragama hendaklah tidak mengganggu keamanan awam.

**Rev. Stanislaus v State of Madhya Pradesh AIR 1977
S.C. 908**

“telah menyebut hak menyebarkan agama tidak termasuk memasukkan orang lain kepada agama orang itu kerana jika seseorang sengaja berusaha memasukkan orang lain kepada agamanya, dan bukan hanya berusaha menyampaikan atau menyebarkan ajaran agama itu, ini akan menjelaskan hak kebebasan kepercayaan orang itu”.

ADAKAH HAK UNTUK KEBEBASAN AGAMA TERTAKLUK KEPADA INDIVIDU SAHAJA?

Per 11 (3) & 12

Hak untuk kebebasan beragama tidak hanya terhad kepada individu sahaja, tetapi juga kepada kumpulan dan pertubuhan.

Dinyatakan bahawa setiap kumpulan keagamaan berhak:

1. Menguruskan hal ehwal agamanya sendiri : per. 11 (3)
2. Menubuh dan menyenggara institusi-institusi bagi maksud agama: per.11(3)
3. Memperolehi dan mempunyai harta serta memegang dan mentadbirkannya
4. Berhak menubuhkan dan menyenggarakan institusi-institusi untuk pelajaran kanak-kanak dalam agama kumpulan itu sendiri: per.12 (2)

HAK TERHADAP HARTA

Jika kerajaan mengambil tindakan untuk melucutkan harta individu haruskah individu tersebut di bayar pampasan? Setiap individu tidak boleh dilucutkan hartanya kecuali berdasarkan undang-undang.maka adalah menjadi kewajipan bagi kerajaan untuk membayar pampasan yang sewajarnya kepada pemilik asal harta tersebut.

CONTOH:

Kerajaan merancang untuk membina sebuah lebuhraya baru di kawasan perumahan anda dan telah menyerahkan notis untuk mengambil tanah anda untuk tujuan tersebut. Perkara 13(1) Perlembagaan menyatakan bahawa tidak ada seorang pun yang boleh dilucutkan hartanya “kecuali mengikut undang-undang”. Oleh itu, kerajaan boleh mengambil tanah anda tetapi ia harus melakukannya mengikut proses undang-undang. Ini termasuklah memberi anda notis dan pampasan yang mencukupi. (Ordinan Pengambilan Tanah).



KEWARGANEGARAAN



Bagaimanakah seseorang boleh mendapat kewarganegaraan?

1. Jus soli

- Ia adalah berdasarkan undang-undang tempat lahir
- Sesiapa yang lahir di Malaysia antara hari Merdeka dan Oktober 1962, secara automatik mendapat taraf warganegara
- Dia masih tidak mempunyai kewarganegaraan daripada mana2 negara lain
- Bagi yang lahir selepas 1962 dia boleh menjadi warganegara sekiranya:
 - ✓ ibu @ bapanya warganegara
 - ✓ ibu @ bapanya masih lagi bermastautin di negara ini



2. Jus Sanguinis

- Konsep ini merujuk kepada undang-undang mengikut keturunan darah
- Menekankan kedudukan warganegara bapa seseorang yang dilahirkan

Sekiranya seseorang itu dilahirkan diluar negara, dia tetap menjadi warganegara jika bapanya adalah warganegara.

Cth: Anda dan suami anda adalah warganegara Malaysia tetapi anda telah melahirkan anak anda di Indonesia. Mengikut Perkara 14 Perlembagaan, anak anda adalah warganegara Malaysia kerana bapanya adalah warganegara Malaysia.



3. Perkahwinan

- Khusus untuk wanita asing yang berkahwin dgn warganegara Malaysia**

- Pemohon perlu memenuhi syarat-syarat berikut:**
 - a.Si suami telah pun menjadi warganegara pada bulan Okt 1962 @ sebelumnya & perkahwinan itu masih kekal; @**
 - b.Wanita asing itu telah menetap dalam Persekutuan selama 2 tahun sebelum permohonan itu dibuat**
 - c.Berniat hendak tinggal kekal**
 - d.Berkelakuan baik**



4. Naturalisasi

- Untuk pemastautin yang tidak lahir di Persekutuan
- Pemohon perlu memenuhi syarat-syarat berikut:
 - a.Berumur 21 tahun @ lebih
 - b.Telah bermastautin di Persekutuan tidak kurang 10 tahun
 - c.Berniat hendak kekal bermastautin dlm negara ini
 - d.Berkelakuan baik
 - e.Mempunyai pengetahuan BM yang cukup



BOLEHKAH KEWARGANEGARAAN SESEORANG DILUCUTKAN



Perkara 24. Pelucutan kewarganegaraan kerana memperoleh atau menggunakan kewarganegaraan asing, dsb.

Dengan erti kata lain sekiranya mana2 rakyat Malaysia yang telah memperolehi atau menggunakan taraf kewarganegaraan negara lain secara automatik dia akan terlucut daripada menjadi rakyat Malaysia.

Perkara 25. Pelucutan kewarganegaraan melalui pendaftaran di bawah Perkara 16A atau 17 atau melalui penaturalisasi.

Mana2 individu yang mendapat kewarganegaraan melalui pendaftaran atau naturalisasi dibawah Perkara 16A atau 17 boleh ditamatkan taraf kewarganegaraan sekiranya didapati tidak setia kepada negara sama ada melalui perbuatan atau percakapan atau di dapati berpihak kepada musuh didalam masa peperangan.



BOLEHKAH KEWARGANEGARAAN SESEORANG DILUCUTKAN



Perkara 26A. Pelucutan kewarganegaraan anak orang yang hilang kewarganegaraannya.

Jika seseorang telah melepaskan kewarganegaraannya atau telah dilucutkan kewarganegaraannya di bawah Fasal (1) Perkara 24 atau perenggan (a) Fasal (1) Perkara 26 (secara menipu atau diberi secara salah), maka Kerajaan Persekutuan boleh melalui perintah melucutkan kewarganegaraan mana-mana anak orang itu yang di bawah umur dua puluh satu tahun yang telah didaftarkan sebagai warganegara menurut Perlembagaan ini dan telah didaftarkan sedemikian sebagai anak orang itu atau anak isteri atau anak suami orang itu.

BOLEHKAH SEORANG WARGANEGARA MELEPASKAN KEWARGANEGARAANNYA?

Perkara 23. Pelepasan kewarganegaraan.

Dilakukan secara sukarela oleh mana2 individu yang waras yang ingin menamatkan kewarganegaraan Malaysia.



Per 152: **BAHASA**
Bahasa Malaysia hendaklah menjadi bahasa kebangsaan dan kedudukannya tidak boleh dipertikaikan.

Per 153: **KEDUDUKAN ISTIMEWA ORANG MELAYU DAN BUMIPUTERA SABAH DAN SARAWAK**

Artikel 153 memberikan tanggungjawab kepada YDPA menjaga kedudukan keistimewaan orang melayu dan penduduk asal malaysia atau secara kumpulannya dirujuk Bumiputera.



Apakah bentuk keistimewaan tersebut?
Hak Istimewa Orang Melayu dan bumiputera meliputi: Bidang Perkhidmatan Awam – Perkara 153 (2, 3 dan 4);
Bidang Ekonomi – Perkara 153 (6) dan
Bidang Pelajaran – Perkara 153 (2, 3 dan 4).

Kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera dalam Perkara 89 dan 90: berhubung dengan tanah rizab Melayu, pemberian lesen dsb.
Perkara ini tidak boleh dipertikaikan dan ia dilindungi di bawah Akta Hasutan 1948 (Pindaan 1971).



STRUKTUR KERAJAAN



Negara ini mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen dan dalam permerintahan ini terdapat 3 badan utama:

- 1.Eksekutif
- 2.Perundangan
- 3.Kehakiman



BADAN EKSEKUTIF



- Badan ini mempunyai kuasa memerintah
- Melaksanakan undang2 yang telah diluluskan oleh badan perundangan
- 2 peringkat persekutuan dan negeri. Untuk negeri kabinet dan persekutuan jemaah menteri



BADAN PERUNDANGAN (LEGISLATIF)



- Fungsi utama ialah
 - a.Mengubal
 - b.Meminda
 - c.Meluluskan undang2.
- Badan perundangan bagi peringkat persekutuan ialah PARLIMEN yang terdiri dari DEWAN NEGARA & RAKYAT (Per 44)
- Badan perundangan bagi peringkat negeri ialah DEWAN UNDANGAN NEGERI.



PERINGKAT PERSEKUTUAN

Terdiri daripada 3 komponen utama:

- a. Yang DiPertuan Agong
- b. Dewan Rakyat
- c. Dewan Negara dan Rakyat



A. YANG DIPERTUAN AGONG

- Membuka, menutup atau membubarkan Parlimen
- Memberi ucapan
- Memberi persetujuan kepada rang undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara
- Kedudukan baginda dlm parlimen bererti sesuatu rang undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen akan mendapat persetujuan daripada baginda. Baginda akan menitahkan Penyimpan Mohor Besar mengenakan cap Mohor Besar ke atas rang undang-undang berkenaan.



- Jika sesuatu rang undang-undang tidak diperkenankan oleh YDPA , maka ahli-ahli Parlimen hendaklah mengikut peraturan yang ditetapkan dalam PER 66. Dewan Rakyat akan membahaskan semula dan perlu diluluskan semula oleh Dewan rakyat tidak kurang drpd 2/3 undi untuk diperkenankan semula kepada YDPA.

- YDPA mempunyai kuasa memanggil Parlimen bersidang dan baginda juga memastikan bahawa Parlimen tidak dibiarkan tanpa menjalankan persidangan selama 6 bulan.



KUASA LAIN YDPA



- a) Mengurangkan hukuman atau mengampuni pesalah yang disabitkan dengan kesalahan jenayah di:
 - i. Mahkamah Tentera di seluruh Malaysia
 - ii. Mahkamah Syariah di negeri-negeri yang tidak beraja, negeri ibaginda, dan Wilayah-wilayah Peselekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya

- b) Raja, Sultan atau YDPN boleh mengurangkan hukuman atau mengampuni seseorang pesalah yang disabitkan dengan kesalahan:
 - i. Mahkamah awam di negeri baginda
 - ii. Mahkamah Syariah di negeri baginda

APAKAH LEMBAGA PENGAMPUNAN?

Per 42 (5) Suatu lembaga yang dianggotai oleh

a. Peguam besar bagi setiap negeri itu

b. Ketua menteri bagi negeri itu

c. Tidak lebih dari 3 ahli lain yg dilantik oleh YDPA/Raja, Sultan / TYT

d. Dilantik untuk tempoh 3 tahun dan boleh dilantik semula (per 42(6))

Per: 42(8)) sebelum membuat keputusan lembaga hendakalh bersidang dan diketuai oleh YDPN

Per: 42(9)) pertimbangan akan dilakukan ke atas ulasan yang disediakan oleh Peguam besar mengenai pengampunan itu



DEWAN RAKYAT



Ahlinya ialah orang yang bertanding pilihanraya kawasan Parlimen dan menang di kawasan tersebut.

Peruntukan kerusi untuk Dewan Rakyat adalah 182 kerusi dari negeri-negeri dalam Malaysia dan selebihnya dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan.

Tempoh jawatan selama 5 tahun, kelayakan adalah 21 tahun atau lebih.

Fungsi Dewan rakyat adalah membuat undang-undang, membahaskan dasar-dasar kerajaan dan isu-isu semasa yang mustahak.



DEWAN NEGARA



Ianya dipilih oleh Dewan Undangan Negeri. Dua orang ahli bagi setiap negeri akan dipilih. Dua orang ahli bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan seorang ahli bagi Wilayah Persekutuan Labuan dilantik oleh YDPA.

Terdapat 70 kerusi di Dewan Negara. Rakyat berumur 30 tahun atau lebih boleh menjadi ahli Dewan Negara.

Rang Undang-undang dibahaskan di Dewan Negara selepas diluluskan di Dewan Rakyat.

Dewan Negara tidak mempunyai kuasa untuk menolak rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat. Dewan Negara hanya boleh menangguhkan rang undang- undang itu selama 1 bulan untuk undang-undang berkaitan kewangan dan 1 tahun untuk perkara-perkara yang lain.



APAKAH PERSAMAAN DEWAN RAKYAT DAN DEWAN NEGARA



- Tidak boleh menjadi ahli kedua-dua dewan
- Ahli kedua-dua dewan hilang kelayakan menjadi ahli jika didapati atau dishtiharkan muflis, memegang sesuatu jawatan berpendapatan, dan tidak sempurna akal dan tidak mematuhi Perkara 48, Perlembagaan Persekutuan.



BADAN PERUNDANGAN NEGERI (DEWAN UNDANGAN NEGERI)



Di Malaysia, terdapat 13 buah Dewan Undangan Negeri, iaitu satu di setiap negeri. Tidak terdapat Dewan Undangan Negeri di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan.

Dewan Undangan Negeri ialah badan perundangan negeri. Ianya mempunyai kuasa dalam senarai Negeri dan senarai Bersama

Terdiri daripada 2 komponen:

- a. Raja atau Yang DiPertua Negeri
- b. Dewan Undangan Negeri



RAJA ATAU YANG DIPERTUA NEGERI



- Membuka, menangguh dan membubarkan Dewan Undangan Negeri
- Memberi Ucapan
- Memberi persetujuan kepada rang undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri untuk dijadikan undang-undang
- Memanggil Dewan Undangan Negeri bersidang dan tidak boleh membiarkan jarak enam bulan di antara persidangan
- Melantik Menteri Besar/ketua Menteri daripada salah seorang ahli Dewan Undangan Negeri yang mendapat undi majoriti ahli Dewan Undangan Negeri
- Melantik ahli majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atas nasihat Menteri Besar/ketua Menteri



DEWAN UNDANGAN NEGERI



- Dipilih oleh rakyat negeri melalui pilihanraya
- Tempoh jawatan selama 5 tahun per tempoh
- Kelayakan ialah 21 tahun atau lebih, warganegara Malaysia dan bermastautin di negeri tersebut
- Fungsi membuat undang-undang untuk sesuatu negeri



KAEDAH MEMBUAT UNDANG-UNDANG (PER 66)



rang undang-undang di baca sebagai bacaan pertama

^

bacaan kedua dibuat dan dibahaskan

^

jawatankuasa semua dewan meneliti rang undag-undang dan
kemukakan semula ke dewan

^

bacaan ketiga di buat dan diluluskan setelah tiada lagi
perbahasan

^

diluluskan dan di hantar ke YDPN untuk diperkenangkan dan
di cop mohor dalam tempoh 30 hari selepas ia
dipersembahkan kepada baginda (Per 66 (4))



- *Perkenan Tuan Yang Terutama di-Pertua Negeri Sabah*
- Jika baginda tidak menurunkan cop mohor dalam tempoh 30 hari tersebut rang undang2 itu selepas 30 hari akan menjadi undang-undang seolah2 ia Telah diperkenankan oleh YDPN

^

Rang Undang-undang ini akan diwartakan dalam bentuk Warta Kerajaan atau "Gazette" , maka baharulah Rang Undang-Undang itu akan menjadi undang-undang yang sah yang disebutkan dalam warta kerajaan tersebut (PER 66 (5).

- Rang undang2 yang dibuat oleh persekutuan- AKTA
- Rang Undang2 dibuat oleh DUN- ENAKMEN (Sabah) & ORDINAN (Sarawak)



APAKAH HUBUNGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI DAN PARLIMEN



- Perkara 73, fasal [a], undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen hendaklah diikuti oleh negeri-negeri
- Dewan Perundangan Negeri boleh membuat Undang-undang negeri asalkan ianya tidak bercanggah dengan undang-undang Persekutuan
- Jika mana-mana undang-undang Negeri adalah berlawanan dengan sesuatu Undang-undang Persekutuan, maka Undang-undang Persekutuan hendaklah digunakan
- Negeri-negeri tidak boleh membuat undang-undang untuk menghalang atau menyentuh perjalanan kuasa pemerintah Persekutuan.



PEMBAHAGIAN KUASA PERUNDANGAN MALAYSIA



Pembahagian kuasa antara parlimen terdapat dalam per 73 dan 74 yang menyatakan:

Per 73 mengenai takat undang2 persekutuan dan negeri di mana bagi persekutuan ia boleh membuat undang2 yang melibatkan bahagiannya dan begitu juga bagi badan perundangan negeri hanya boleh membuat undang2 yang melibatkan negeri2 sahaja.

Per 74 (1): Parlimen boleh membuat undang-undang dalam perkara-perkara yang terkandung dalam:

- | | | | | |
|-------------------------|-----------|--------|--------|---|
| a. Senarai Persekutuan- | Senarai | 1 | jadual | 9 |
| b. Senarai Bersama- | Senarai 3 | jadual | 9 | |

Per 74 (2): Dewan Undangan Negeri boleh membuat undang-undang dalam perkara-perkara dalam

- | | | | | |
|---------------------|-----------|--------|--------|---|
| a. Senarai Negeri- | Senarai | 2 | Jadual | 9 |
| b. Senarai Bersama- | Senarai 3 | jadual | 9 | |



SENARAI PERSEKUTUAN CONTOH-CONTOH



- Hubungan luar seperti perjanjian antarabangsa dan pengeluaran pasport
- Pertahanan termasuk ketenteraan laut, darat dan udara, serta khidmat nasional
- Keselamatan dalam negeri seperti polis, penjara dan tahanan pencegahan
- Undang-undang dan tatacara sivil dan jenayah termasuk bidangkuasa dan kuasa Mahkamah (kecuali mahkamah Syariah Negeri), rahsia rasmi, perjudian dan loteri
- Penentuan undang-undang Islam dan peribadi yang lain untuk tujuan undang-undang persekutuan
- Kewarganegaraan Malaysia
- Kewangan termasuk cukai, perbankan, pengawalan kredit, pinjaman wang Negeri-negeri dan tukaran wang asing

- Perdagangan dan perindustrian termasuk import dan export, kawalan harga, kawalan makanan, dan insuran
- Perkapalan termasuk pelabuhan
- Perhubungan dan pengangkutan
- Kerjaraya persekutuan termasuk bekalan air, sungai dan terusan kecuali bagi yang keseluruhannya adalah di dalam sebuah Negeri atau dikawal melalui perjanjian dengan Negeri-negeri berkenaan; pembuatan, pengagihan dan pembekalan kuasa air (kecuali Sabah dan Sarawak)
- Pendidikan termasuk pendidikan rendah, menengah dan universiti
- Perubatan dan kesihatan
- Buruh dan keselamatan sosial
- Kebajikan orang asli
- Akhbar dan penerbitan
- Penapisan
- Pelancongan



SENARAI NEGERI CONTOH-CONTOH



- Undang-undang Islam dan undang-undang peribadi dan keluarga bagi individu yang menganut agama Islam; mewujudkan mahkamah Syariah
- Tanah
- Pertanian dan hutan
- Kerajaan tempatan termasuk perbadanan perbandaran, pihak berkuasa tempatan, pemilihan kerajaan tempatan
- Pasar dan perlesenan teater, pawagam dan tempat-tempat hiburan awam
- Kerjaraya Negeri dan air (kecuali pembekalan dan perkhidmatan air)
- Cuti negeri

Contoh-contoh perkara tambahan bagi Sabah & Sarawak

- Undang-undang anak negeri dan budaya
- Tertakluk pada senarai Persekutuan, pembekalan dan perkhidmatan air



SENARAI BERSAMA CONTOH-CONTOH



- Kebajikan awam
- Biasiswa
- Perlindungan haiwan liar dan Taman-taman Negara
- Perancangan bandar dan luar bandar
- Kesihatan awam
- Perparitan dan irigasi
- Budaya dan sukan
- Perumahan dan peruntukan bagi kemudahan perumahan
- Tertakluk pada Senarai Persekutuan, pembekalan dan perkhidmatan air
- Pemeliharaan warisan

Bagaimanakah Parlimen dan DUN kedua-duanya gubal undang-undang berkenaan dengan perkara yang sama di dalam Senarai Bersama?

- Senarai Bersama membenarkan Parlimen dan DUN untuk menggubal undang-undang untuk perkara yang sama. Asalkan undang-undang tersebut tidak berlapik atau bercanggah, ia boleh terus wujud dan beroperasi bersama
- Tetapi, sekiranya undang-undang DUN di bawah Senarai Bersama bercanggah dengan undang-undang yang digubal Parlimen di bawah Senarai tersebut, undang-undang Parlimen menjadi undang-undang yang harus dipatuhi (per 75)

Bolehkah Parlimen gubal undang-undang bagi perkara di bawah Senarai Negeri?

- Secara umumnya parlimen tidak boleh mencampuri urusan kerajaan negeri dalam senarai negeri . tetapi, ada situasi di mana Parlimen boleh gubal undang-undang berkenaan dengan perkara di dalam Senarai Negeri. Situasi-situasi tersebut adalah seperti dalam Per 76:
 - (i) Sekiranya terdapat Perisyntiharan Darurat, Parlimen boleh gubal undang-undang untuk apa-apa perkara di dalam Senarai Negeri (kecuali undang-undang Islam, budaya Melayu, dan undang-undang anak negeri atau adat Sabah dan Sarawak).
 - (ii) Apabila Malaysia membuat perjanjian dengan negara lain atau pertubuhan antarabangsa, Parlimen boleh gubal undang-undang untuk perkara tersebut. Undang- undang sedemikian harus dipatuhi oleh Negeri-negeri walaupun undang- undang tersebut meliputi perkara-perkara di dalam Senarai Negeri.

Bagaimana pula jika sesuatu perkara tidak ada di dalam mana-mana senarai? Siapa yang mempunyai kuasa untuk gubal undang-undang untuk perkara itu?

Jika ada perkara yang tidak termasuk di dalam mana-mana Senarai, DUN akan mempunyai kuasa untuk gubal undang-undang bagi perkara tersebut. Ini dipanggil “kuasa residual” (PER 77).

3. Badan Kehakiman

- badan kehakiman terletak di mahkamah
- Peranan utama ialah:
 - a. menjaga keluhuran perlembagaan
 - b. mengawasi badan esekutif agar tidak menyalahgunakan kuasanya mengubal, meminda dan meluluskan undang-undang yang akan bertentangan dengan perlembagaan.



4 bidang kuasa yang besar iaitu:

- a. mentafsirkan perlembagaan
 - b. mentafsir suatu undang2
 - c. menisyiharkan suatu undang2 bertulis persekutuan atau negeri tidak sah
 - d. kuasa mengisyiharkan suatu tindakan kerajaan tidak sah disis undang-undang.
- sistem mahkamah terbahagi kepada 3 bahagian: Agung, Mahkamah Tinggi dan Rendah.
 - Mahkamah agung iaitu mahkamah persekutuan dan mahkamah rayuan
 - mahkamah tinggi iaitu mahkamah tinggi semenanjung sabah & sarawak
 - mahkamah rendah ialah sesyen, majistret dan penghulu/anak negeri.

BOLEHKAH SEORANG ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN BERKHIDMAT DALAM PERKHIDMATAN AWAM MANA2 NEGERI DAN JUGA SEBALIKNYA?

Perkara 134:

- a. Persekutuan boleh menghantar seorang penjawat awam ke sesebuah negeri, jika terdapat permintaan dari negeri berkenaan: dan
- b. dan begitu juga sebaliknya suatu negeri boleh meminta penjawat awam suatu negeri lain dihantar kepada negeri itu.

Apakah status penjawat awam yang dipinjamkan itu?

- per 134 (2):

penjawat awam yang dipinjamkan itu akan tetap menjadi anggota perkhidmatan yang melantiknya tetapi saraannya akan dibayar oleh negeri/persekutuan di pinjamkan.

PER 135: SEKATAN MENGENAI PEMBUANGAN KERJA DAN PENURUNAN PANGKAT

Per 135 (2) (a)-(d) : Pengecualian terhadap Hak untuk Didengar :

- a. atas sebab sabitan jenayah.
- b. atas alasan yang munasabah mengikut pertimbangan pihak berkuasa tatatertib (pbtt) yang ada kuasa buang kerja atau turun pangkat.
- c. atas sebab keselamatan mengikut pertimbangan agong.
- d. atas sebab perintah tahanan, buang negeri dsb.
- e. kes penamatan perkhidmatan demi kepentingan awam



RULES OF NATURAL JUSTICE



1. hak untuk didengar / right to be heard / audi alteram partem
 - a) Notis pemberitahuan - fakta kes
 - b) Peluang membuat representasi bertulis - 21 hari
 - c) Hak diberitahu keputusan
 - d) Pertimbangan kes terdahulu
 - e) Hak diwakili peguam / mengemukakan saksi



- b. hukum mencegah berat sebelah / rule against bias / nemo judex in causa sua
 - a. jangan ambilkira faktor luar
 - b. jangan ada kepentingan / perhubungan / pertalian keluarga
 - c. maklumat yang dibentang sahaja
 - e. pegawai pelapor tidak boleh menganggotai Lembaga Tatatertib

**SEKIAN
TERIMA
KASIH**



KieranLuke.Lamudin@sabah.gov.my